



Di Manakah Bahasa Melayu Dilahirkan?

Oleh Suhaimi Mohd. Salleh

PENDAPAT popular yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana Barat dan diterima pakai oleh kebanyakan pengkaji bahasa ialah bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah. Pendapat itu dikemukakan berdasarkan kajian bahawa orang Melayu berasal dari Yunan, apabila dua buah kumpulan berhijrah ke Asia Tenggara. Kumpulan pertama dikenali sebagai Melayu-Proto yang berhijrah kira-kira pada tahun 2500 S.M. dan kumpulan kedua ialah Melayu-Deutro yang tiba lebih kurang pada tahun 1500 S.M.

Teori asal usul bahasa Melayu dikaitkan dengan kewujudan asal usul bangsa Melayu. Alasannya ialah bahawa bahasa dilahirkan oleh masyarakat penggunanya, dan pengguna bahasa itu membawa bahasanya ke mana-mana sahaja. Pendapat ini dapat dikatakan berasas kerana sekiranya orang bertutur dalam dialek Terengganu, misalnya, penuturnya sudah tentulah berasal dari Terengganu.

R.H. Geldern berpendapat bahawa bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah bersandarkan penemuan arkeologi. Dia mendapati bahawa kapak tua (beliung batu) yang ditemukan di Sungai Brahmaputra, Sungai Irrawaddy, Sungai Salween, Sungai Yangtze, dan Sungai Hwang memiliki persamaan dengan kapak yang ditemukan di beberapa buah tempat di Asia Tenggara. Kononnya kapak itu dibawa oleh orang Asia Tengah ke Kepulauan Melayu.

Sarjana lain menggunakan andaian persamaan bahasa. J.H.C. Kern mendapati bahawa perkataan yang digunakan di Nusantara terdapat juga di Madagaskar, Filipina, Taiwan, dan beberapa buah pulau di Lautan Pasifik. Antaranya, padi, buluh, rotan, nyiur, pisang, pandan dan ubi. Dengan hal itu, Kern berpendapat bahawa bahasa Melayu berasal daripada satu induk yang sama yang terdapat di Asia.

W. Marsden turut menyatakan bahawa ada persamaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Polinesia yang digunakan di beberapa buah pulau di Lautan Pasifik. E. Aymonier dan A. Cabaton pula berpendapat bahawa bahasa Campa serumpun dengan bahasa Polinesia.

Hamy menjelaskan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Campa merupakan warisan bahasa Melayu Kontinental. W. Humboldt pula mendapati bahawa bahasa Melayu, terutama bahasa Jawa, banyak menyerap perkataan daripada bahasa Sanskrit yang berasal dari India.

Persamaan dari segi pembentukan perkataan dalam bahasa Melayu dan bahasa Polinesia menjadi kaedah kajian J.R. Foster. Dia berpendapat bahawa kedua-dua bahasa itu berasal daripada bahasa yang lebih tua, yang dinamakan sebagai Melayu-Polinesia purba. A.H. Keane membuat kesimpulan bahawa struktur bahasa Melayu sama dengan bahasa yang terdapat di Kemboja.

Ada sarjana yang memberikan pendapat berdasarkan adat resam suku bangsa. J.R. Logan mendapati bahawa ada persamaan antara adat resam Melayu dengan adat resam suku Naga di Assam, Burma dan Tibet. Persamaan ini dikatakan berkaitan rapat dengan bahasa. Oleh sebab itu, bahasa Melayu dikatakan berasal dari Asia.

Sarjana Inggeris, J. Crawfurd, yang membuat kajian perbandingan bahasa di Sumatera, Jawa, Kalimantan, dan kawasan Polinesia, berpendapat bahawa bahasa yang tersebar di Nusantara berasal daripada bahasa yang terdapat di Jawa (bahasa Jawa) dan bahasa yang berasal dari Sumatera (bahasa Melayu). Menurutnya, bahasa Jawa dan bahasa Melayu menjadi induk bagi bahasa serumpun yang terdapat di Nusantara. Bangsa Jawa dan bangsa Melayu dianggap telah memiliki taraf kebudayaan yang

tinggi pada abad ke-19. Crawfurd menyimpulkan bahawa orang Melayu tidak berasal dari mana-mana tempat lain, malah merupakan induk yang menyebarkannya ke tempat lain. Bahasa Jawa ialah bahasa tertua dan bahasa induk untuk bahasa lain.

K. Himly menyangkal pendapat Aymonier dan Cabaton setelah melakukan kajian perbandingan bunyi dan bentuk perkataan bahasa Campa dan pelbagai bahasa lain di Asia Tenggara. P.W. Schmidt yang mengkaji ayat dan kosa kata bahasa Campa dan bahasa Khmer-Mon sependapat dengan Hilmy apabila mengatakan bahawa bahasa Melayu yang terdapat dalam kedua-dua bahasa yang dikajinya merupakan bahasa ambilan sahaja.

Menurut Sutan Takdir Alisjahbana, semua bangsa Melayu berasal daripada rumpun bahasa yang satu. Mereka dikatakan berbeza daripada bangsa Cina di timur dan bangsa India di barat. Demikian juga pandangan Gorys Keraf melalui bukunya, *Linguistik Bandingan Historis*, yang menyimpulkan bahawa tanah air asal nenek moyang bangsa Austronesia ialah Indonesia dan Filipina yang dahulunya bercantum dari segi geografinya.

Darwis Harahap (1992) berpendapat bahawa ada perbezaan antara bahasa di Asia Selatan dan Asia Timur dengan bahasa di Asia Tengah. Hal ini dibuktikan melalui pengelestan kekeluargaan bahasa. Bahasa di Asia Tengah berasal daripada keluarga Sino-Tibet, yang melahirkan bahasa Cina, bahasa Siam, bahasa Tibet, bahasa Miao, bahasa Yiu, dan bahasa Burma, yang berbeza daripada keluarga Austronesia yang satu kelompok besarnya ialah Nusantara. Pendapat ini ada benarnya kerana peta bahasa menunjukkan bahawa bahasa yang dituturkan di Korea, Jepun, China, Vietnam, Laos, Kemboja, Taiwan, Hong Kong, dan Thailand berbeza daripada bahasa pertuturan di selatan Segenting Kra (Semenanjung Malaysia, Borneo, Kepulauan Indonesia, dan sebahagian Filipina), seolah-olah ada dinding tebal atau dunia lain yang langsung memisahkan kawasan tanah besar dari kepulauan Asia Tenggara.

Wan Hashim Wan Teh dan Nik Hassan Suhaimi Nik Abd. Rahman (1994) menolak pendapat bahawa bahasa dan bangsa Melayu berasal dari Yunan. Penyelidikan lebih dari 20 tahun yang dilakukan oleh Nik Hassan Suhaimi terhadap bahan tulisan dan kajian yang sedia ada tentang linguistik, budaya, dan antropologi masyarakat di Yunan menunjukkan bahawa rumpun Melayu tidak berasal dari wilayah itu. Tiada bukti yang menunjukkan wujudnya pertalian ras atau keturunan antara 26 buah kelompok minoriti yang dikaji dengan bangsa Melayu-Polinesia yang kini menetap di alam Melayu atau dunia Melayu-Polinesia. Oleh sebab itu, teori gelombang dari Yunan itu dianggap sebagai teori spekulatif.

Bernd Nothofer telah mengkaji isolek yang berasal daripada bahasa Melayik Purba yang banyak terdapat di barat Borneo. Menurutnya, penggunaan isolek yang sangat berbeza antara satu sama lain dalam kalangan orang Iban, orang Sarawak, orang Selako, dan orang

Kendayan memberikan kesimpulan bahawa Borneo ialah tanah asal orang Melayu. Dua orang sarjana Barat yang lain, Robert Bust dan Alexander Adelaar, turut berpendapat demikian.

Penemuan terbaru Nik Hassan Suhaimi (1999) ialah orang Melayu dan bumiputera bukanlah pendatang di Semenanjung Malaysia. Sebaliknya, mereka berada di situ semenjak 35 ribu tahun dahulu. Dia menolak andaian arkeologi berdasarkan kapak purba dengan menganggap bahawa artifak itu tidak pernah wujud. Oleh sebab itu, teori penghijrahan yang dicanangkan oleh kebanyakan sarjana Barat dianggap tidak tepat. Malah, dia mengemukakan teori evolusi yang dikenal pasti terjadi melalui perdagangan.

Dengan hal demikian, perbincangan dan kajian tentang asal usul bahasa Melayu selama ini dilakukan hanya berdasarkan asal usul bangsa Melayu. Yang menarik, ada sarjana Barat yang mengatakan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa tempatan Asia Tenggara. Teori bahawa orang Melayu berasal dari wilayah Asia Tengah dibuat berdasarkan kajian yang dilakukan beberapa lama dahulu. Kajian terkini menghasilkan pendapat yang bertentangan dengan dapatan awal itu.

Pendapat Geldern, umpamanya, masih boleh disanggah. Dia membuat kajiannya bermula dari Asia Tengah, kemudian ke Nusantara. Andainya dia memulakan kajian dari Nusantara ke Asia Tengah, kesimpulannya mungkin berlainan. Lebih-lebih lagi, budaya kapak purba yang dibuat daripada batu tidak hanya terdapat di Asia Tengah dan Nusantara, malah ditemukan juga dalam masyarakat primitif di Amerika dan Eropah pada zaman itu. Dengan hal itu, adakah bangsa dan bahasa Melayu juga ada kaitannya dengan masyarakat di Amerika dan Eropah? Atau bangsa di Amerika dan Eropah itu berkemungkinan juga ada susur galur dari Asia Tengah dan Nusantara?

Menurut Ismail Hussein (1992), jumlah perkataan bahasa Melayu yang ditemukan pada batu bersurat abad ke-7 dipercayai sebanyak 50 baris sahaja, bercampur aduk dengan ayat Sanskrit. Sekiranya bahasa Melayu sudah lama dibawa dari utara, pastilah pengaruhnya lebih luas dan penggunaannya lebih besar daripada itu. Oleh sebab itu, bahasa Melayu tentulah baru terbentuk dan digunakan. Tambahan pula, jika benarlah kajian sarjana Melayu mutakhir ini bahawa bangsa dan bahasa Melayu tidak mempunyai persamaan dengan bahasa dan budaya di Asia Tengah, kemungkinan besar bahasa Melayu benar-benar terbentuk di kawasan Asia Tenggara sendiri, tidak dibawa dari kawasan luar oleh mana-mana pihak.

Namun, kita belum dapat memastikan kebenaran andaian berkenaan. Prasasti yang ditemukan pada abad ke-7 hanya dapat memastikan bahawa bahasa Melayu mula digunakan di Nusantara, tetapi tidak dapat menentukan asal usulnya. Malah, tempat mula berkembangnya bahasa Melayu pun belum dapat dikenal pasti secara tepat oleh sarjana. **PE**